



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (2) November 2025 (167-187)

Perbandingan Terjemahan Partikel Bahasa Jepun Ke Bahasa Melayu Dalam Novel 'Sekai Kara Neko Ga Kieta Nara'

Nur Nabilah Syakirah Mat Usof & Normalis Amzah

A193643@siswa.ukm.edu.my & normalis@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor.

Tarikh terima : 30 September 2025
Received
 Terima untuk diterbitkan : 12 November 2025
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2025
Published online

Abstrak

Dalam struktur tatabahasa bahasa Jepun, partikel memainkan peranan penting sebagai penanda hubungan nahu antara kata dan frasa, penentu topik, serta pembawa makna pragmatik yang bersifat implisit. Dalam penterjemahan sastera, partikel bukan sahaja berfungsi sebagai unsur tatabahasa, malah turut membentuk gaya naratif, nada penceritaan dan hubungan emosional antara watak dan pembaca. Kajian ini bertujuan menghuraikan fungsi partikel dan padanan terjemahannya dalam bahasa Melayu dari sudut sintaktik, semantik dan pragmatik. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif berasaskan pendekatan perbandingan teks, dengan meneliti bentuk dan fungsi partikel dalam bahasa sumber serta padanannya dalam bahasa sasaran. Analisis dijalankan terhadap data yang diperolehi daripada teks asal dan terjemahan bagi mengenal pasti bentuk, fungsi dan makna yang terhasil daripada proses penterjemahan. Data kajian diperolehi melalui analisis terhadap novel *Sekai Kara Neko ga Kieta Nara* karya Genki Kawamura dan terjemahan bahasa Melayunya "*Andai Kucing Hilang dari Dunia*" oleh Hazman Baharom (2023). Novel ini mengetengahkan tema kehilangan, nilai kehidupan dan penghargaan terhadap hubungan manusia melalui penceritaan introspektif watak utama, sekali gus memberikan ruang untuk meneliti fungsi partikel yang berkaitan dengan emosi dan hubungan interpersonal dalam konteks naratif. Analisis menunjukkan bahawa terjemahan literal partikel Jepun berkesan dari segi sintaktik, khususnya bagi penanda struktur gramatikal. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan apabila sistem penandaan tertentu dalam bahasa Jepun tidak wujud dalam bahasa Melayu, menyebabkan keperluan penyesuaian struktur ayat. Dari segi semantik, perbezaan sistem tatabahasa antara kedua-dua bahasa menyebabkan maksud literal partikel tidak dapat dipindahkan sepenuhnya, sekali gus berpotensi mengubah logik naratif asal. Dalam aspek pragmatik pula, partikel yang membawa nada emosi dan nuansa hubungan sosial sukar diterjemahkan secara literal kerana makna halusnyanya tidak dapat disampaikan tanpa interpretasi kontekstual. Kajian ini menyimpulkan bahawa walaupun terjemahan literal dapat mengekalkan bentuk asal partikel, nilai semantik dan pragmatik memerlukan pendekatan yang lebih fleksibel dan interpretatif bagi memastikan ketepatan makna dan kejelasan mesej dalam penterjemahan sastera antara bahasa Jepun dan bahasa Melayu.

Kata kunci: Bahasa Jepun; partikel; terjemahan sastera; sintaksis; semantik; pragmatik

Comparative Analysis Of Japanese Particle Into Malay In The Novel Sekai Kara Neko Ga Kieta Nara

Abstract

In Japanese grammar, particles play a crucial role as markers of syntactic relationships between words and phrases, topic indicators, and carriers of pragmatic meaning that are often implicit. In literary translation, particles not only function as grammatical elements but also shape narrative style, tone, and emotional connection between characters and readers. This study aims to examine the functions of Japanese particles and their

translated equivalents in Malay from syntactic, semantic, and pragmatic perspectives. The study employs a qualitative analysis method based on a comparative textual approach, examining the forms and functions of particles in the source language and their equivalents in the target language. The analysis was conducted using data obtained from both the original and translated texts to identify the structures, functions, and meanings that emerge through the translation process. The data is based on an analysis of the novel Sekai Kara Neko ga Kieta Nara by Genki Kawamura and its Malay translation “Andai Kucing Hilang dari Dunia” by Hazman Baharom (2023). The novel highlights themes of loss, appreciation of life, and human relationships through the introspective narrative of the main character, providing an opportunity to explore particles that convey emotion and interpersonal nuances within the narrative context. The analysis reveals that literal translation of Japanese particles is effective syntactically, particularly for grammatical markers. However, limitations arise when certain Japanese marking systems do not exist in Malay, requiring structural adjustments. Semantically, differences in grammatical systems between the two languages hinder full transfer of literal meanings, potentially altering narrative logic. Pragmatically, particles that convey emotional tone and social nuance are difficult to translate literally, as their subtle meanings cannot be conveyed without contextual interpretation. This study concludes that while literal translation preserves the original form of particles, semantic and pragmatic values require a more flexible and interpretive approach to ensure clarity and accuracy of meaning in literary translation between Japanese and Malay.

Keywords: Japanese language; particles; literary translation; syntax; semantics; pragmatics

1. Pengenalan

Partikel adalah sistem nahu yang wujud dalam kedua-dua sistem bahasa Melayu dan bahasa Jepun. Kedua-dua bahasa menggunakan partikel untuk menyampaikan nuansa makna, menegaskan maksud, melembutkan nada pertuturan dan mengekalkan kehalusan dalam interaksi sosial. Misalnya, partikel -lah dan -kah dalam bahasa Melayu menunjukkan fungsi yang hampir menyerupai partikel penutup ね (ne) dan よ (yo) dalam bahasa Jepun dari segi peranan interaksi, iaitu memberikan kesan mesra (-lah, ね) dan penegasan terhadap maklumat (-kah, よ). Walau bagaimanapun, fungsi antara partikel tersebut tidaklah sama sepenuhnya kerana perbezaan aspek pragmatik dalam kedua-dua bahasa. Namun, dalam bahasa Jepun, partikel atau joshi [助詞] merupakan kelas kata yang sangat penting dan sistematik dalam struktur tatabahasa. Partikel Jepun seperti wa [は], ga [が], o [を], ni [に], dan de [で] berfungsi bukan sekadar untuk nuansa, tetapi juga sebagai penanda hubungan sintaktik yang wajib, misalnya menentukan subjek, objek, lokasi atau arah dalam ayat. Oleh itu, partikel dalam bahasa Jepun mempunyai peranan yang lebih luas dan mendasar berbanding partikel dalam bahasa Melayu, kerana partikel tersebut bukan sahaja menguruskan aspek pragmatik atau gaya bahasa, tetapi juga membantu membentuk struktur ayat yang lengkap dan tepat. Perbezaan inilah yang sering menimbulkan cabaran dalam proses penterjemahan, terutamanya apabila partikel yang kompleks dalam bahasa Jepun perlu disesuaikan dengan struktur bahasa Melayu yang tidak memiliki penanda sintaktik seumpamanya.

2. Sorotan Literatur

2.1 Partikel dalam Bahasa Jepun dan Bahasa Melayu

Partikel dalam bahasa Jepun

Pembinaan leksikal merupakan aspek utama untuk membina satu frasa dan seterusnya ayat bahasa Jepun (Nor Sahayu, Zaitul Azma, Zaid & Rozita, 2019). Partikel tergolong sebagai salah satu leksikal atau *tango* dalam bahasa Jepun. Dalam kajian linguistik bahasa Jepun, partikel banyak memainkan peranan yang penting dalam pembentukan struktur ayat serta penyampaian makna pragmatik dan semantik. Oleh itu, pengkategorian partikel menjadi asas yang penting untuk memahami sistem tatabahasa bahasa Jepun secara menyeluruh. Beberapa kajian telah membincangkan secara khusus tentang usaha dalam pengelasan partikel dan peranan komunikatif yang dimainkan oleh partikel dalam pelbagai konteks bahasa.

Tanaka (2003) mengusulkan partikel bahasa Jepun kepada dua kategori utama, iaitu partikel tatabahasa dan juga partikel diskursif. Partikel tatabahasa berfungsi dalam pembentukan struktur ayat

seperti penanda subjek *ga* [が], objek *o* [を], arah atau tempat *ni* [に], *e* [へ], serta alat dan lokasi *de* [で]. Manakala partikel diskursif pula berfungsi dalam menyampaikan sikap, penekanan, atau penyesuaian sosial dalam interaksi, seperti *ne* [ね], *yo* [よ], dan *sa* [さ]. Yamane (2008) turut memberi tumpuan kepada aspek fungsional partikel, khususnya dari perspektif komunikatif. Beliau menganalisis partikel seperti *wa* [は], *ga* [が], *mo* [も], dan *yori* [より] serta bagaimana fungsi-fungsi ini menjana makna dalam ayat berdasarkan kedudukan dan tujuan komunikasi. Yamane mengusulkan pendekatan tipologi linguistik sebagai kerangka yang sesuai untuk menganalisis sistem partikel bahasa Jepun secara lebih mendalam dan perbandingannya dengan bahasa lain, termasuk bahasa Melayu. Pendekatan ini menekankan pemerhatian terhadap ciri-ciri struktur bahasa berdasarkan klasifikasi umum, seperti susunan ayat, jenis kata, dan fungsi nahu, yang membezakan satu bahasa dengan bahasa yang lain. Dalam konteks bahasa Jepun, tipologi linguistik menonjolkan hakikat bahawa bahasa Jepun merupakan bahasa dengan pola susunan Subjek–Objek–Kata kerja (SOV) yang membenarkan fleksibiliti tinggi dalam penyusunan jenis kata dalam ayat bermaksud objek boleh berada di hadapan subjek dan sebaliknya. Keadaan ini hanya dapat difahami dengan adanya sistem partikel yang mantap, kerana partikel seperti *ga* [が] sebagai penanda subjek, *o* [を] sebagai penanda objek langsung, dan *ni* [に] sebagai penanda arah atau tempat, berfungsi untuk menandakan hubungan nahu dalam ayat. Pendekatan tipologi ini membolehkan pengkaji melihat bagaimana partikel mengekalkan kohesi dan kejelasan makna walaupun susunan kata dalam ayat berubah. Melalui kerangka ini juga, Yamane menekankan bahawa penguasaan tipologi linguistik amat membantu dalam merancang strategi pengajaran bahasa Jepun kepada penutur bukan natif dan dalam menganalisis cabaran penterjemahan, khususnya apabila padanan fungsi partikel perlu disesuaikan dengan struktur SVO bahasa Melayu. Oleh itu, pendekatan tipologi linguistik yang diketengahkan Yamane memberikan asas penting untuk memahami perbezaan sistemik antara bahasa Jepun dan bahasa Melayu.

Makino dan Tsutsui (1986), dalam *A Dictionary of Basic Japanese Grammar*, membentuk kerangka awal dalam pengenalan dan pengelasan partikel asas dalam bahasa Jepun, yang merangkumi partikel subjek *ga* [が], objek *o* [を], penanda tempat *ni* [に] dan *de* [で], serta partikel penegas atau pengakhiran *ne* [ね] dan *yo* [よ]. Makino dan Tsutsui (1986) secara khusus memilih untuk menekankan partikel-partikel asas seperti *ga* [が] sebagai penanda subjek, *o* [を] sebagai penanda objek, *ni* [に] dan *de* [で] sebagai penanda tempat atau arah, serta *ne* [ね] dan *yo* [よ] sebagai partikel penegas atau pengakhiran kerana partikel-partikel inilah yang paling kerap muncul dalam komunikasi harian bahasa Jepun dan menjadi asas untuk membina kefahaman struktur ayat yang betul. Pemilihan ini juga didorong oleh tujuan pedagogi iaitu dengan menguasai fungsi dan penggunaan partikel-partikel teras ini, pelajar bahasa Jepun peringkat permulaan dan pertengahan dapat mengelakkan kesilapan tatabahasa yang sering berlaku, terutamanya dalam menentukan subjek, objek, lokasi tindakan, dan nada interaksi lisan. Di samping itu, partikel *ne* [ね] dan *yo* [よ] juga dipilih kerana keduanya mewakili aspek pragmatik bahasa Jepun yang unik iaitu cara penutur menyatakan penegasan, memberi isyarat persetujuan atau mengundang respons, sesuatu yang sering tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa Melayu. Oleh itu, tumpuan kepada kelompok partikel teras ini membolehkan pelajar dan penterjemah memahami kerangka ayat Jepun secara lebih jelas sebelum mendalami partikel-partikel lain yang lebih kompleks atau jarang digunakan. Pendekatan mereka lebih bersifat kepada pedagogikal dan menjadi rujukan utama dalam pengajaran bahasa Jepun kepada pelajar asing.

Sementara itu, Tsujimura (1996) pula memperluaskan lagi aspek teori khususnya dalam memahami fungsi sintaktik dan semantik partikel, termasuk struktur ayat, pemerolehan makna, dan hubungan antara morfologi dan fungsi pragmatik. Pendekatan linguistik formal ini menekankan tentang penjelasan bahasa Jepun sebagai satu sistem yang teratur dan berpola, dengan memberi tumpuan kepada prinsip sejagat dalam tatabahasa generatif seperti yang diutarakan oleh Chomsky. Melalui kerangka ini, Tsujimura menganalisis bagaimana struktur ayat, peranan frasa, dan hubungan antara unsur seperti subjek, objek, dan predikat dikawal oleh peraturan sintaktik yang ketat. Dalam konteks partikel, pendekatan formal ini menekankan peranan partikel sebagai unsur penentu (*specifier*) dan penanda hubungan gramatikal yang mempengaruhi interpretasi ayat secara logik. Tsujimura menghuraikan

contoh-contoh bagaimana partikel seperti *ga* [が], *o* [を], *ni* [に], dan *de* [で] membentuk struktur frasa dan mempengaruhi pergerakan unsur dalam ayat, selari dengan prinsip sintaksis universal. Melalui pendekatan ini. Penjelasan tentang fungsi partikel tidak hanya bergantung pada konteks atau makna praktikal semata-mata, tetapi turut dihurai secara sistematik dalam model teori sintaksis yang dapat diuji, dibanding dan digunakan dalam kajian linguistik formal yang lebih luas. Hal ini dapat menyumbang kepada pemahaman mendalam tentang bagaimana partikel menentukan peranan unsur dalam ayat serta nuansa makna yang tersirat. Noda (2002) pula menjelaskan tentang fungsi wacana dan pragmatik partikel, serta peranannya dalam menyampaikan sikap, penegasan, dan struktur maklumat.

Noda (2002) pula menjelaskan tentang fungsi wacana dan pragmatik partikel, serta peranannya dalam menyampaikan sikap, penegasan, dan struktur maklumat. Noda (2002) menegaskan bahawa partikel bahasa Jepun tidak hanya berfungsi pada tahap sintaktik tetapi turut memainkan peranan wacana dan pragmatik yang penting dalam komunikasi. Sebagai contoh, partikel *wa* [は] menandakan topik ayat dan juga boleh membawa makna kontras, manakala *ga* [が] menandakan maklumat baharu yang difokuskan dalam konteks. Partikel penutup seperti *ne* [ね] digunakan untuk mendapatkan persetujuan pendengar, manakala *yo* [よ] berfungsi sebagai penegasan maklumat atau pendapat penutur. Noda dapat menunjukkan bagaimana partikel dapat membina hubungan makna dan menyampaikan sikap penutur, sejajar dengan prinsip tatabahasa fungsional yang menghubungkan bentuk bahasa dengan fungsi komunikasi sebenar. Pendekatan ini menyoroti dimensi semantik-pragmatik partikel dan bagaimana ia berfungsi sebagai alat komunikasi sosial dalam pertuturan harian. Kesemua kajian ini banyak memberikan sumbangan yang signifikan dalam membentuk landasan teori yang kukuh berkaitan dengan pengkategorian dan fungsi partikel bahasa Jepun.

Partikel dalam Bahasa Melayu

Dalam bahasa Melayu, partikel merujuk kepada unsur tatabahasa yang tidak membawa makna leksikal penuh tetapi berfungsi untuk menyampaikan nuansa makna, penegasan, atau aspek pragmatik dalam ayat. Contoh partikel dalam bahasa Melayu termasuklah unsur bebas seperti *sahaja*, *juga* dan unsur terikat seperti “*lah*”, “*kah*”, “*pun*” yang lazim digunakan untuk menimbulkan kesan retorik atau menambah unsur kesantunan. Abdullah (2006) membincangkan tentang peranan partikel seperti “*kah*”, “*lah*”, “*tah*”, “*pun*”, dan “*ke*” dalam menandakan fungsi pertanyaan yang bermaksud peranan partikel tertentu yang digunakan untuk membentuk ayat soalan atau menunjukkan bahawa sesuatu ayat itu adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat, penegasan, dan penyusunan wacana. Abdullah menjelaskan bahawa partikel bukan sahaja berfungsi sebagai penanda tatabahasa tetapi juga membawa makna pragmatik yang mempengaruhi intonasi, penekanan, dan tujuan komunikasi,

Tatabahasa Dewan oleh Nik Safiah Karim et al. (2008), memberi perhatian terhadap fungsi partikel dalam struktur ayat bahasa Melayu. Karya ini mengkategorikan partikel berdasarkan fungsinya seperti partikel penegas (“*lah*”, “*pun*”), partikel soal (“*kah*”, “*ke*”), dan partikel penyangkal atau pengecualian (“*hanya*”, “*sahaja*”). Penggunaan partikel dianggap penting untuk menunjukkan nada, kejelasan struktur ayat, dan pengolahan makna yang lebih halus. Nik Safiah Karim et al. (2008) menegaskan bahawa partikel dalam bahasa Melayu berfungsi sebagai unsur bantu yang tidak mengalami perubahan bentuk tetapi memainkan peranan yang penting dalam menunjukkan hubungan antara kata, frasa atau klausa, termasuk partikel yang bersifat interogatif, penegas, penguat, dan penafian. Selain itu, Tatabahasa Dewan juga memberi tumpuan kepada klasifikasi partikel berdasarkan fungsi dalam struktur ayat, seperti partikel *kah*, *pun*, *lah*, *tak*, dan sebagainya, yang turut mencerminkan nuansa makna dan sikap penutur dalam sesuatu ujaran.

Ramli (2013) memberikan penekanan terhadap kepentingan partikel dalam komunikasi harian masyarakat Melayu dari perspektif sosiolinguistik dan pragmatik. Kajian ini tidak hanya melihat partikel sebagai elemen tatabahasa semata-mata, tetapi turut mengkaji bagaimana penggunaannya dalam wacana lisan mencerminkan nilai-nilai budaya, hubungan sosial, dan strategi komunikasi dalam interaksi seharian. Ramli menjelaskan bahawa partikel-partikel tertentu berfungsi untuk menyampaikan emosi seperti keraguan, penegasan, atau keakraban di samping berperanan sebagai penanda kesantunan dalam situasi yang menuntut kepekaan terhadap hierarki sosial dan hubungan kuasa antara penutur dan

pendengar. Sebagai contoh, partikel seperti “lah”, “kan”, dan “pun” dapat mengubah nada dan kesan makna sesuatu ujaran bergantung kepada konteks sosialnya. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis wacana untuk meneliti pertuturan semula jadi dalam pelbagai konteks, seperti antara rakan sebaya, dalam keluarga, dan antara penutur yang berbeza usia atau status sosial.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Mohd Azam (2011) memberikan sumbangan yang penting kepada kosa ilmu linguistik dengan menerangkan mengenai peranan partikel dalam konteks penulisan akademik, khususnya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Kajian ini menunjukkan bahawa partikel seperti pun, sahaja, lah, dan juga bukan sekadar elemen tatabahasa biasa, tetapi berfungsi sebagai alat untuk memperhaluskan ayat serta menghubungkan idea secara efektif dalam teks ilmiah. Penggunaan partikel ini membantu untuk memastikan kesinambungan wacana yang lancar dan struktur ayat yang harmoni, sekali gus meningkatkan kejelasan dan kesefahaman dalam penulisan akademik. Hasil kajian ini menyumbang kepada perkembangan teori linguistik terutamanya dalam bidang tatabahasa pragmatik dan wacana, serta memberikan panduan penting kepada pendidik dan pelajar dalam meningkatkan kemahiran penulisan akademik melalui penguasaan penggunaan partikel yang tepat dan berkesan.

2.2 Perbandingan partikel bahasa Jepun dan Melayu

Perbandingan tersebut menunjukkan kedua-dua bahasa menggunakan partikel untuk menyampaikan nuansa makna, menegaskan maksud, melembutkan nada pertuturan dan mengekalkan kehalusan dalam interaksi sosial. Misalnya, partikel -lah dan -kah dalam bahasa Melayu berfungsi seperti partikel penutup ne [ね] atau yo [よ] dalam bahasa Jepun yang dapat memberikan kesan mesra atau menegaskan maklumat kepada pendengar. Sebagai contoh, ayat Jepun 「いい天気ですね。」 (Ii tenki desu ne.) membawa maksud ‘Cuaca yang baik, kan?’ yang menunjukkan perkongsian perasaan atau kesepakatan antara penutur dan pendengar, seakan-akan fungsi partikel -lah dalam bahasa Melayu seperti dalam ayat ‘Cuaca baiklah hari ini.’ Sementara itu, ayat 「明日は休みですよ。」 (Ashita wa yasumi desu yo.) bermaksud ‘Esok cuti, tau!’ dan digunakan untuk menyampaikan maklumat baharu atau menegaskan sesuatu fakta kepada pendengar. Namun begitu, walaupun kedua-dua partikel ne [ね] dan yo [よ] boleh mewujudkan kesan mesra, fungsi pragmatik mereka tidak setara dengan partikel -kah dalam bahasa Melayu. Partikel yo [よ] digunakan apabila penutur memberi maklumat baharu kepada pendengar, manakala ne [ね] digunakan apabila penutur menyatakan sesuatu yang sudah diketahui bersama atau dijangka difahami oleh pendengar. Oleh itu, perbandingan antara partikel Jepun dan Melayu ini perlu dilihat dari segi nuansa komunikasi, bukan padanan bentuk semata-mata.

Dalam bahasa Jepun, partikel atau 助詞 [*joshi*] merupakan kelas kata yang sangat penting dan sistematik dalam struktur tatabahasa. Partikel Jepun seperti wa [は], ga [が], o [を], ni [に], dan de [で] berfungsi bukan sekadar untuk nuansa, tetapi juga sebagai penanda hubungan sintaktik yang wajib, misalnya menentukan subjek, objek, lokasi atau arah dalam ayat. Oleh itu, partikel dalam bahasa Jepun mempunyai peranan yang lebih luas dan mendasar berbanding partikel dalam bahasa Melayu, kerana partikel tersebut bukan sahaja menguruskan aspek pragmatik atau gaya bahasa, tetapi juga membantu membentuk struktur ayat yang lengkap dan tepat. Perbezaan inilah yang sering menimbulkan cabaran dalam proses penterjemahan, terutamanya apabila partikel yang kompleks dalam bahasa Jepun perlu disesuaikan dengan struktur bahasa Melayu yang tidak memiliki penanda sintaktik seumpamanya. Beberapa kajian lepas telah membincangkan peranan partikel ini dalam memperhalus maksud ayat, menandakan hubungan antara unsur dalam ayat, serta menyampaikan emosi dan sikap penutur.

Secara keseluruhan, kesemua kajian ini menunjukkan bahawa partikel dalam bahasa Melayu bukan semata-mata unsur tambahan, tetapi mempunyai fungsi tatabahasa, semantik dan pragmatik yang penting dalam membina maksud dan gaya ayat. Partikel seperti -lah, -pun, -kah dan pelbagai penanda ragam lain membantu dalam mencipta penekanan, kesopanan, atau kehalusan maksud, walaupun peranannya sering disokong oleh struktur ayat yang lebih fleksibel serta intonasi dalam pertuturan. Hal ini berbeza dengan sistem partikel dalam bahasa Jepun yang lebih luas dan mendalam, di mana partikel menjadi elemen wajib untuk menunjukkan hubungan sintaktik antara kata (seperti topik, subjek, objek,

tempat dan arah) serta untuk menyampaikan maksud tersirat, nada emosi, kehendak sosial dan penegasan secara halus. Sebaliknya, dalam bahasa Melayu, fungsi sintaksis serupa ini sering dicapai melalui pilihan perkataan, kata sendi, dan susunan frasa tanpa memerlukan sebarang partikel. Perbezaan struktur ini menimbulkan cabaran besar dalam penterjemahan, terutamanya untuk memastikan kesetaraan makna, emosi, dan nuansa budaya dalam teks terjemahan.

2.3 Terjemahan Partikel Bahasa Jepun Ke Bahasa Melayu

Salah satu kajian lepas yang penting dalam membincangkan isu terjemahan partikel bahasa Jepun ke dalam bahasa Melayu ialah kajian oleh Siti Nurbaya (2015) yang memberi tumpuan khusus kepada kesukaran yang dihadapi oleh penterjemah dalam mengekalkan makna dan fungsi partikel bahasa Jepun, terutamanya dalam teks sastera yang sarat dengan nuansa emosi dan budaya. Partikel seperti は (wa), が (ga) dan も (mo) seringkali tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa Melayu. Oleh itu, penterjemahan yang terlalu literal boleh menyebabkan kehilangan makna tersirat, termasuk nada penegasan, kontras, penekanan, dan peranan informasi dalam ayat. Kajian ini menunjukkan bahawa partikel dalam bahasa Jepun bukan sekadar unit nahu, tetapi turut memainkan peranan pragmatik dan retorik yang signifikan. Contohnya, partikel wa [は] yang digunakan untuk menandakan topik juga membawa penekanan khusus yang boleh memberi kesan dramatik dalam naratif. Apabila penterjemahan dilakukan secara literal tanpa memahami fungsi partikel dalam bahasa sumber, makna pragmatik ini akan terhapus, seterusnya dapat menjejaskan intonasi naratif dan gaya penulisan asal. Begitu juga dengan partikel ga [が] yang bukan hanya sekadar penanda subjek, tetapi juga membawa implikasi terhadap pengenalan maklumat baharu dan kontras semantik bergantung kepada konteks. Partikel mo [も] pula menyampaikan makna 'juga' atau 'pun' dalam cara yang berlapis, yang dalam konteks tertentu menandakan penegasan, pengulangan atau penyertaan emosi, yang sukar diterjemahkan secara langsung. Sebagai jawapan kepada cabaran tersebut, Siti Nurbaya mencadangkan penggunaan pendekatan penterjemahan berasaskan makna berbanding penterjemahan literal. Pendekatan ini menekankan pemindahan fungsi komunikasi dan bukan hanya pemindahan struktur atau bentuk bahasa. Penterjemah perlu memahami fungsi semantik dan pragmatik partikel dalam konteks asal, dan kemudian mencari cara paling sesuai untuk menyampaikan kesan yang sama dalam bahasa sasaran, walaupun melalui struktur yang berbeza. Hal ini mungkin melibatkan penambahan penanda wacana, pengubahsuaian nada, atau penggantian struktur ayat dalam bahasa Melayu bagi memastikan mesej yang disampaikan oleh pengarang asal tetap terpelihara.

Kajian yang dijalankan oleh Chow dan Hasuria (2019) memfokuskan kepada prosedur penterjemahan dua kategori onomatope Jepun, iaitu giongo [擬音語] (perkataan tiruan bunyi) dan gitaigo [擬態語] (perkataan tiruan suasana, gerakan atau emosi) dalam manga Jepun ke dalam bahasa Melayu. Walaupun fokus utama kajian ini adalah kepada onomatope, Chow dan Hasuria (2019) turut menawarkan sumbangan kosa ilmu penting berkaitan dengan penterjemahan elemen linguistik khas bahasa Jepun, termasuk partikel, dari sudut pragmatik dan konteks budaya. Antara konsep utama yang diketengahkan ialah kesepadanan pragmatik iaitu keperluan untuk menterjemah bukan sekadar makna literal perkataan, tetapi juga kesan bunyi, gaya komunikasi, dan suasana emosi yang disampaikan melalui ekspresi Jepun. Dalam konteks ini, giongo [擬音語] dan gitaigo [擬態語] dilihat berfungsi hampir seperti partikel diskusif, kerana kedua-duanya membentuk nada, intensiti, dan irama penceritaan, yang juga sering diperkuat oleh penggunaan partikel seperti yo [よ], ne [ね], atau zo [ぞ] dalam manga. Sebagai contoh, dalam manga, kata kerja sering digabungkan dengan partikel 「ぞ！」 (zo!) dalam ayat seperti 「行くぞ！」 (Iku zo!, bermaksud “Mari kita pergi!”) bagi menonjolkan semangat atau penegasan maskulin. Begitu juga, penggunaan gitaigo 「キラキラ」 (kirakira) bersama partikel 「ね」 (ne) dalam 「星がキラキラだね。」 (Hoshi ga kirakira da ne., bermaksud “Bintang-bintang berkilau, kan?”) menambahkan kesan mesra dan ekspresif terhadap suasana naratif. Kajian ini turut membincangkan tentang strategi penterjemahan yang boleh dikaitkan dengan partikel, antaranya adalah pengguguran sekiranya ungkapan tersebut tidak relevan dalam konteks Melayu. Strategi lain adalah

penyepadanan kreatif iaitu untuk mengekalkan kesan gaya dalam bentuk berbeza, dan adaptasi budaya dalam menyampaikan suasana yang sama kepada pembaca sasaran.

Kajian terkini oleh Rahma Fitri Alifah (2024) meneliti fungsi partikel seperti ni [に], e [へ], dan wo [を] dalam bahasa Jepun sebagai penanda arah dan lokasi serta membandingkannya dari segi semantik. Dalam bahasa Melayu, fungsi tersebut lazimnya diwakili oleh preposisi seperti 'ke', 'dari', 'dengan', dan 'kepada'. Kajian Alifah menegaskan bahawa padanan harfiah satu-ke-satu antara partikel Jepun dan preposisi Melayu sukar ditemui kerana perbezaan struktur sintaktik dan semantik. Di samping itu, kajian seperti oleh Natsuko Nakagawa (2021) turut menekankan bahawa struktur maklumat dalam ayat bertopik (topicalisation) dan pilihan partikel dalam bahasa Jepun menunjukkan bahawa fungsi partikel tidak sekadar "arah/objek" tetapi turut dijana oleh aspek maklumat dan konteks wacana. Hal ini menimbulkan cabaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun sebagai bahasa asing, khususnya apabila hendak diterangkan maksud ayat dari bahasa Jepun ke dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, kajian oleh Rahma Fitri Alifah (2024) turut memberi tumpuan kepada perbandingan partikel ni [に], e [へ], dan de [で] dalam bahasa Jepun dengan preposisi tempat dalam bahasa Melayu. Kajian ini memperkenalkan kosa ilmu seperti partikel tempat dan partikel destinasi, serta menekankan aspek fungsi sintaktik dan semantik, iaitu bagaimana partikel-partikel ini digunakan untuk menandakan tujuan, lokasi, serta cara perlakuan sesuatu tindakan. Partikel ni [に] dan e [へ] merujuk kepada arah atau destinasi, manakala de [で] menandakan lokasi atau alat yang digunakan dalam pelaksanaan sesuatu tindakan. Dalam bahasa Melayu, makna-makna ini lazimnya diwakili oleh preposisi seperti di, ke, dan dengan. Penjelasan ini selari dengan dapatan oleh Nakagawa (2021) yang menegaskan bahawa fungsi partikel lokatif Jepun sering kali bertindih dari segi makna kontekstual, oleh itu, penterjemah perlu menilai fungsi pragmatik partikel dalam struktur ayat sebelum memilih padanan dalam bahasa sasaran. Kajian-kajian ini juga menekankan isu ketaksamaan fungsi antara partikel Jepun dan preposisi Melayu, yang membawa kepada keperluan memahami padanan tidak langsung dalam penterjemahan. Penemuan tersebut turut seiring dengan pandangan Muhammad Luqman Ibnul Hakim, Pabiyah & Zaitul Azma (2014), yang menyebut bahawa preposisi Arab dan Melayu mempunyai pelbagai fungsi dan tidak boleh diterjemahkan secara leksikal, sebaliknya perlu dipertimbangkan berdasarkan struktur ayat dan aspek semantik dalam konteks yang sesuai.

Kajian oleh Ng (2020) turut menyentuh tentang peranan partikel dalam analisis pemahaman kata sifat bahasa Jepun dalam pembelajaran. Kajian ini mengulas fungsi partikel dalam menggabungkan dua kata sifat dalam satu ayat. Seperti 静できれいな街です *shizuka de kirei na machi desu* yang bermaksud Bandar yang senyap dan bersih. Di sini terdapat dua partikel yang dibincangkan iaitu de 「で」 dan na 「な」. Setiap satunya mempunyai fungsi yang berbeza. 「で」 membawa maksud 'dan' manakala partikel na 「な」 sebagai penanda kepada kata sifat 'na' dalam linguistik Jepun. Walaupun Ng (2020) tidak mengulas panjang tentang pengaruh partikel terhadap kata sifat bahasa Jepun tetapi analisis beliau jelas menunjukkan bahawa partikel mempunyai pengaruh dalam analisis leksikal Jepun. Ia menjelaskan kepentingan pemahaman partikel dalam penggunaan kata sifat bahasa Jepun oleh pelajar Cina.

Kajian-kajian lepas ini memperlihatkan pelbagai pendekatan, fokus dan kerangka teori dalam meneliti penggunaan, perbandingan, serta terjemahan partikel bahasa Jepun, khususnya dalam konteks perbandingan dengan bahasa Melayu. Kajian oleh Alifah (2024) dan Nakagawa (2021) memberikan sumbangan asas dari segi perbandingan struktur tatabahasa antara bahasa Jepun dan bahasa lain, termasuk aspek fungsi dan padanan tatabahasa partikel seperti ni [に], e [へ], de [で], dan wo [を]. Kedua-dua kajian ini menekankan analisis fungsi partikel dalam konteks sintaktik dan semantik, namun pendekatan yang diambil lebih bersifat deskriptif linguistik serta berfokus kepada perbezaan struktur dan fungsi asas partikel dalam dua sistem bahasa tersebut. Kajian-kajian tersebut turut menghadkan tumpuan kepada empat partikel utama, iaitu ni [に], e [へ], de [で], dan wo [を], tanpa mengaitkannya secara mendalam dengan konteks penterjemahan. Sementara itu, kajian oleh Siti Nurbaya (2015)

membuat ulasan yang lebih mendalam dari sudut ilmu nahu dengan memberikan fokus khusus terhadap isu kehilangan makna semantik dan pragmatik apabila partikel diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini menekankan strategi terjemahan berasaskan makna dan menyentuh aspek ketidakterjemahan yang sering menjadi cabaran dalam teks sastera. Namun begitu, pendekatan yang diambil masih kurang memperincikan perbandingan kontrastif bentuk partikel dan struktur ayat (sintaksis) antara bahasa Jepun dan bahasa Melayu, khususnya dalam konteks teks asal dan terjemahan. Oleh itu, kajian ini berhasrat untuk mengisi jurang tersebut dengan (1) mengenal pasti partikel bahasa Jepun berserta fungsinya dalam teks asal bahasa Jepun dan (2) menghuraikan padanannya dalam teks terjemahan bahasa Melayu dengan mengambil kira aspek sintaktik, semantik dan pragmatik.

Objektif pertama iaitu mengenal pasti setiap partikel yang muncul dalam teks asal dan fungsi partikel dianalisis dalam konteks naratif sebenar, bukan hanya melalui contoh ayat rekaan atau senarai leksikal partikel. Proses ini membantu mendokumentasikan struktur tatabahasa dan pola penggunaan partikel secara empirikal. Objektif kedua adalah menganalisis teks terjemahan bahasa Melayu dengan mengambil kira aspek sintaktik, semantik dan pragmatik. Fokus kepada aspek sintaktik (struktur ayat), semantik (makna tersurat dan tersirat) dan pragmatik (nuansa, penegasan, hubungan sosial) memberi gambaran lengkap tentang bagaimana penterjemahan partikel mempengaruhi keutuhan mesej asal.

3. Metodologi

3.1 Kaedah Kajian

Kajian ini memerlukan bacaan secara mendalam terhadap bahan teks. Proses interpretasi teks dilakukan secara reflektif dan berulang oleh pengkaji sendiri untuk menganalisis dokumen secara menyeluruh, memastikan setiap elemen linguistik difahami dari pelbagai sudut sebelum dirumuskan sebagai dapatan. Pengumpulan data melalui kaedah analisis dokumen atau teks dapat memberikan maklumat yang relevan berdasarkan permasalahan dan objektif kajian. Menurut Kamarul (2012), bahan-bahan yang telah dicetak, disiarkan atau dipaparkan seperti buku, jurnal dan majalah adalah kaedah analisis data. Data daripada analisis dokumen dapat diperoleh dengan mudah dan mempunyai kebolehpercayaan kerana telah diterbitkan. Pendekatan ini digunakan untuk mencari data-data daripada teks atau dokumentasi yang bertulis. Dalam konteks kajian ini, novel *Sekai Kara Neko ga Kieta Nara* karya Genki Kawamura dipilih kerana kandungan naratifnya yang kaya dengan penggunaan pelbagai jenis partikel yang berfungsi membangunkan suasana, hubungan watak, serta melahirkan gaya penceritaan yang intim dan menyentuh emosi pembaca. Terjemahan novel tersebut dalam bahasa Melayu oleh Hazman Baharom, bertajuk *Andai Kucing Hilang dari Dunia* (2023), turut dijadikan bahan kajian untuk melihat bagaimana penterjemah mengaplikasikan strategi terjemahan literal dalam memindahkan fungsi partikel asal ke dalam bentuk struktur ayat bahasa Melayu.

Objektif pertama kajian adalah mengenal pasti partikel bahasa Jepun dalam teks asal. Sebahagian besar partikel dalam bahasa Jepun terdiri daripada satu atau dua huruf *hiragana*, namun terdapat juga partikel gabungan yang lebih panjang seperti *keredo* [けれど] atau *keredomo* [けれども], yang tetap berperanan sebagai satu unit nahu. Ia tidak boleh digolongkan kepada kata nama, kata kerja atau kata sifat dan mempunyai fungsi nahu. Fungsi tersebut dikategorikan kepada beberapa jenis utama mengikut kerangka linguistik yang dikemukakan oleh Tanaka (2003), Yamane (2008) dan Makino & Tsutsui (1986). Selepas dirumuskan, fungsi partikel boleh dibahagikan kepada berikut 1) *kaku-joshi* [格助詞], 2) *fuku-joshi* [副助詞], 3) *shū-joshi* [終助詞], dan 4) *setsuzoku-joshi* [接続助詞].

Secara terperinci, 1) *kaku-joshi* [格助詞] atau partikel kes ialah partikel tatabahasa yang berfungsi sebagai penanda hubungan gramatikal antara kata kerja dan kata nama dalam ayat. Sebagai contoh, *kaku-joshi* [格助詞] yang sering digunakan ialah *ga* [が] sebagai penanda subjek, *o* [を] sebagai penanda objek langsung, *ni* [に] untuk menandakan arah, tujuan atau waktu, dan *de* [で] untuk menandakan lokasi atau kaedah perlakuan. Partikel ini adalah penting kerana ia membantu untuk menentukan fungsi sintaktik unsur kata dalam struktur ayat bahasa Jepun yang bebas susunan kata. Seterusnya, 2) *fuku-joshi* [副助詞] atau partikel penegas merupakan partikel tambahan yang menyampaikan makna penekanan, perbandingan atau nuansa tertentu. Sebagai contoh, partikel yang

lazim ialah *mo* [も] yang bermaksud ‘juga’ atau ‘pun’ dan *shika* [しか] yang menekankan maksud ‘hanya’ dalam konteks ayat negatif. Partikel ini menambah elemen semantik yang halus dan boleh mengubah penekanan makna ayat.

3) *shū-joshi* [終助詞] pula merujuk kepada partikel penutup ayat yang berfungsi untuk menyatakan nada, emosi, atau hubungan sopan santun antara penutur dan pendengar. Contohnya, *ne* [ね] digunakan untuk meminta persetujuan atau pengesahan daripada pendengar, manakala *yo* [よ] pula digunakan untuk memberi penegasan atau penjelasan tambahan. *Shū-joshi* [終助詞] sering muncul pada akhir ayat, terutamanya dalam wacana lisan dan dialog dalam teks sastra.

Akhir sekali, 4) *setsuzoku-joshi* [接続助詞] ialah partikel penyambung atau konjungsi yang menghubungkan klausa dan menunjukkan hubungan logik seperti sebab-akibat, syarat atau kontras. Contoh *setsuzoku-joshi* [接続助詞] yang biasa ialah *kara* [から] yang bermaksud ‘kerana’, *node* [ので] yang juga membawa maksud sebab, dan *ga* [が] yang boleh menunjukkan pertentangan antara dua klausa. Keempat-empat kategori fungsi partikel ini dipilih kerana partikel ini memainkan peranan yang penting dalam membina struktur sintaktik, nuansa semantik dan nilai pragmatik dalam naratif bahasa Jepun, sekali gus menjadikan analisis ini signifikan dalam konteks penterjemahan ke bahasa Melayu yang memiliki struktur dan sistem penanda hubungan yang berbeza. Dalam kajian ini, fungsi setiap partikel disenaraikan dalam Jadual 1. Pengelasan ini membantu pengkaji untuk mengenal pasti bukan sahaja fungsi tatabahasa tetapi juga nilai semantik dan pragmatik yang dibawa oleh partikel dalam konteks ayat naratif.

Jadual 1

Fungsi Utama Partikel Jepun Berserta Ayat Contoh dan Terjemahan

No	Fungsi Utama	Partikel	Jenis Partikel	Ayat Contoh (Jepun)
1	Penanda topik – memperkenalkan maklumat utama	は (wa)	格助詞 (kaku-joshi)	僕は猫を飼っていた。
2	Penanda subjek – menunjukkan subjek baharu/aktif. Subjek sedia ada ialah Tokyo, Hujan adalah subjek baru diperkenalkan.	が (ga)	格助詞 (kaku-joshi)	東京は雨が降っている
3	Penanda objek langsung – unsur menerima tindakan	を (o)	格助詞 (kaku-joshi)	手紙を読んだ
4	Penanda arah/tempat/waktu – menunjukkan destinasi atau masa	に (ni)	格助詞 (kaku-joshi)	明日に会おう
5	Penyambung unsur sebaris – bermakna "dan" / "bersama"	と (to)	接続助詞 (setsuzoku-joshi)	猫と一緒にいた
6	Penambahan/penegasan – bermaksud "juga" atau "pun"	も (mo)	副助詞 (fuku-joshi)	僕も行く

7	Penegasan/emosi – digunakan di akhir ayat untuk memberi penekanan	よ (yo)	終助詞 (shū-joshi)	本当よ !
---	---	--------	-----------------	-------

Bagi objektif kedua, pengkaji menganalisis partikel-partikel yang telah dikenal pasti dan membandingkan padanannya dalam teks terjemahan bahasa Melayu dari tiga aspek linguistik: sintaktik, semantik, dan pragmatik.

- Aspek **sintaktik** merujuk kepada cara susunan dan struktur ayat dibina, khususnya bagaimana partikel berfungsi sebagai penanda hubungan tatabahasa dalam sesuatu ayat seperti penanda subjek, objek, lokasi atau penanda penghubung. Kajian sintaktik ini membantu memahami bagaimana susunan perkataan dan fungsi gramatikal partikel Jepun diolah semula dalam terjemahan bahasa Melayu yang berbeza strukturnya.
- Aspek **semantik** memberi tumpuan kepada makna yang dibawa oleh partikel dalam konteks ayat. Analisis semantik menilai sama ada maksud asal partikel contohnya menunjukkan sebab, kontras atau penegasan dapat dikekalkan dengan tepat dalam bahasa Melayu tanpa mengubah makna yang ingin disampaikan pengarang.
- Aspek **pragmatik** berkaitan dengan maksud tersirat, nada, emosi atau fungsi sosial partikel dalam komunikasi sebenar. Dalam teks sastera Jepun, partikel sering membawa makna halus yang mencerminkan hubungan sosial, sikap penutur, atau gaya penceritaan. Maka, aspek pragmatik dianalisis bagi memastikan padanan terjemahan bukan sahaja tepat secara tatabahasa, tetapi juga dapat mengekalkan nuansa gaya, nada penceritaan dan kesan emosi yang dihasratkan oleh penulis asal. Ketiga-tiga aspek ini dianalisis secara kontrasif bagi menilai kekuatan dan kelemahan strategi penterjemahan, terutamanya apabila menterjemahkan teks sastera yang sarat dengan keindahan bahasa dan nilai budaya.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Dapatan Kajian

Walaupun kaedah utama adalah analisis kualitatif deskriptif, analisis kekerapan berikut dilaksanakan untuk memilih jenis-jenis partikel yang relevan dan wajar untuk dianalisis secara kualitatif seterusnya dibincangkan dengan lebih terperinci.

Fungsi Partikel

Jadual 2

Data Sokongan untuk Memilih Jenis-Jenis Partikel yang Relevan Dianalisis dan Dibincangkan

No	Partikel	Jenis Partikel (Jepun - Romaji)	Terjemahan Fungsi	Kekerapan
1	の	格助詞 (kaku-joshi)	Partikel kes – penanda hubungan tatabahasa	337
2	な	終助詞 (shū-joshi)	Partikel akhir – nada/emosi	309
3	と	格助詞 / 接続助詞 (kaku-joshi / setsuzoku-joshi)	Penanda kes / penyambung antara klausa	287
4	に	格助詞 (kaku-joshi)	Penanda tempat, masa, arah, atau penerima	249

5	し	接続助詞 (setsuzoku-joshi)	Menyambung klausa – sebab / senarai	221
6	は	格助詞 (kaku-joshi)	Penanda topik	219
7	で	格助詞 (kaku-joshi)	Penanda tempat atau alat	202
8	が	格助詞 (kaku-joshi)	Penanda subjek	189
9	か	終助詞 (shū-joshi)	Nada pertanyaan / pilihan	176
10	を	格助詞 (kaku-joshi)	Penanda objek langsung	176
11	って	接続助詞 (setsuzoku-joshi)	Petikan tidak rasmi / penyambung ucapan	95
12	よ	終助詞 (shū-joshi)	Penegasan	80
13	や	格助詞 (kaku-joshi)	Senarai contoh	72
14	から	格助詞 / 接続助詞 (kaku-joshi / setsuzoku-joshi)	Titik asal / sebab	38
15	ね	終助詞 (shū-joshi)	Persetujuan / keakraban	33
16	でも	副助詞 (fuku-joshi)	Penambahan maklumat / kontras	24
17	だけ	副助詞 (fuku-joshi)	Penegasan “hanya”	20
18	ながら	接続助詞 (setsuzoku-joshi)	Tindakan serentak	17
19	まで	格助詞 (kaku-joshi)	Had akhir	16
20	たり	接続助詞 (setsuzoku-joshi)	Senarai tindakan	12
21	とか	接続助詞 (setsuzoku-joshi)	Pilihan tidak rasmi	10

22	しか	副助詞 (fuku-joshi)	Penekanan negatif	10
23	とも	副助詞 (fuku-joshi)	Tambahan (“pun”, “juga”)	9
24	ほど	副助詞 (fuku-joshi)	Perbandingan / tahap	9
25	ので	接続助詞 (setsuzoku-joshi)	Sebab – penyambung lembut	8
26	のに	接続助詞 (setsuzoku-joshi)	Kontra kenyataan	7
27	へ	格助詞 (kaku-joshi)	Arah / destinasi	7
28	ぞ	終助詞 (shū-joshi)	Penegasan maskulin	6
29	けれど	接続助詞 (setsuzoku-joshi)	Kontras – “tetapi”	5
30	なり	接続助詞 (setsuzoku-joshi)	Pilihan / senarai	5
JUMLAH				2,848

Berdasarkan Jadual 2 tersebut, dapat dikenal pasti bahawa terdapatnya 2848 partikel digunakan dalam Bab 1 teks asal tersebut dan daripada jumlah tersebut 30 partikel yang paling kerap digunakan dalam teks asal bahasa Jepun berjaya dikenalpasti. Partikel-partikel tersebut kemudian dikategorikan kepada kaku-joshi [格助詞], fuku-joshi [副助詞], shū-joshi [終助詞], dan setsuzoku-joshi [接続助詞]. Setiap jenis partikel ini membawa peranan dan fungsi tersendiri yang memperlihatkan gaya dan pendekatan penceritaan novel ini.

Kategori kaku-joshi [格助詞], atau partikel kes, muncul sebagai jenis yang paling dominan dengan jumlah kekerapan sebanyak 1,732 kali. Partikel-partikel seperti no [の], ni [に], wa [は], ga [が], o [を], dan de [で] digunakan secara meluas untuk menandakan hubungan nahu antara subjek, objek dan predikat dalam ayat. Penggunaan kaku-joshi yang tinggi menunjukkan bahawa novel ini banyak bergantung kepada struktur ayat yang jelas dari segi subjek-predikat, dan ini selaras dengan sifat naratifnya yang penuh dengan penerangan, kenangan dan pemerhatian peribadi oleh watak utama.

Seterusnya, setsuzoku-joshi [接続助詞] atau partikel penyambung, direkodkan sebanyak 875 kali. Partikel yang tergolong dalam kategori ini termasuklah shi [し], to [と], kara [から], tte [って], nagara [ながら], node [ので], dan noni [のに]. Partikel-partikel ini berfungsi untuk menghubungkan dua atau lebih klausa, menyatakan sebab-akibat, kontras atau peristiwa yang berlaku secara serentak. Kehadiran setsuzoku-joshi yang tinggi mencerminkan gaya penulisan yang bersifat reflektif dan kompleks, di mana penulis sering menerangkan latar belakang emosinya, membuat perbandingan, atau menyambung rentetan peristiwa dalam bentuk naratif yang mendalam.

Shū-joshi [終助詞] atau partikel pengakhiran pula menyumbang sebanyak 514 kali kemunculan. Partikel seperti na [な], yo [よ], ne [ね], ka [か], dan zo [ぞ] memainkan peranan penting dalam menyampaikan nada, penegasan, atau emosi watak secara langsung. Penggunaan shū-joshi memberi gambaran bahawa bahasa yang digunakan dalam novel ini adalah bersifat lisan, seolah-olah watak utama sedang bercakap kepada dirinya sendiri atau kepada pembaca secara langsung. Hal ini dapat menambahkan lagi dimensi keperibadian dan keintiman dalam penyampaian cerita.

Akhir sekali, fuku-joshi [副助詞] atau partikel tambahan, muncul sebanyak 125 kali. Antara partikel dalam kategori ini termasuklah demo [でも], dake [だけ], shika [しか], tomo [とも], dan hodo [ほど]. Walaupun jumlahnya lebih rendah berbanding jenis lain, fuku-joshi [副助詞] memainkan peranan yang signifikan dalam menyampaikan penekanan, pengecualian, dan nuansa psikologikal watak. Partikel ini membantu untuk memperhaluskan maksud dan makna yang ingin disampaikan oleh narator, khususnya dalam menggambarkan konflik dalaman, penyesalan, dan pemikiran eksistensial.

Secara keseluruhannya, analisis ini memperlihatkan bahawa novel *Sekai Kara Neko ga Kieta Nara* memanfaatkan pelbagai jenis partikel untuk membina ayat yang bersifat deskriptif, emosi dan reflektif. Penggunaan kaku-joshi [格助詞] dan setsuzoku-joshi [接続助詞] secara meluas menandakan gaya penceritaan yang berstruktur dan mendalam, manakala shū-joshi [終助詞] dan fuku-joshi [副助詞] memperkaya penyampaian dengan elemen perasaan dan nuansa makna. Hal ini membuktikan bahawa pemilihan partikel dalam bahasa Jepun bukan sahaja bersifat tatabahasa, malah turut berfungsi sebagai alat retorik dan ekspresi naratif yang halus dan berkesan.

Padanan dari Sudut Sintaktik, Semantik dan Pragmatik

Bahagian ini membincangkan tentang bagaimana setiap partikel bahasa Jepun yang dikenal pasti dalam Bab 1 novel *Sekai Kara Neko ga Kieta Nara* dibandingkan dengan padanan fungsinya dalam terjemahan bahasa Melayu dalam novel *Andai Kucing Hilang dari Dunia*. Fokus analisis ini adalah untuk menilai tahap kesetaraan literal, iaitu sejauh mana fungsi dan makna asal partikel dapat dikekalkan dalam struktur ayat bahasa Melayu. Penterjemahan literal dalam konteks ini merujuk kepada pemindahan bentuk dan fungsi partikel secara langsung atau hampir langsung, tanpa mengubah peranan tatabahasa dan semantik asal dalam ayat.

Analisis dijalankan dengan meneliti tiga puluh contoh ayat yang mewakili pelbagai jenis partikel yang disenaraikan di atas. Partikel ini termasuk kaku-joshi [格助詞] seperti wa [は] sebagai penanda topik, ga [が] sebagai penanda subjek, o [を] sebagai penanda objek, ni [に] untuk tempat atau arah, serta no [の] untuk pemilikan. Selain itu, partikel setsuzoku-joshi [接続助詞] seperti to [と], shi [し], node [ので] dan noni [のに] dianalisis sebagai penanda penyambung dan sebab, manakala fuku-joshi [副助詞] seperti mo [も], dake [だけ] dan shika [しか] digunakan untuk penegasan atau pengecualian. Partikel shū-joshi [終助詞] seperti yo [よ], ne [ね] dan na [な] pula diperhatikan dari sudut fungsi emosi, nada dan penutup ayat. Setiap contoh dianalisis dari aspek sintaktik (struktur dan kedudukan partikel dalam ayat), semantik (padanan makna literal), dan pragmatik (nuansa makna, emosi atau penegasan dalam konteks naratif). Berikut merupakan jadual yang dibuat berdasarkan objektif ke 2:

Jadual 3*Analisis Korpus Terpilih Berdasarkan Kekerapan dan Fungsi Partikel*

No & Partikel	Ayat Asal (Jepun)	Jenis/Fungsi Partikel	Ayat Terjemahan (BM)	Aspek Sintaktik	Aspek Semantik	Aspek Pragmatik
1. は (wa)	僕は三十歳だ。	格助詞 (kaku-joshi) – penanda topik	Aku berumur tiga puluh tahun.	Topik diterjemah sebagai subjek	Makna “aku” kekal	Fokus pada narator
2. の (no)	母さんの声をする。	格助詞 – penanda milik	Kedengaran suara ibu.	Pemilikan dikekalkan	Milik suara kekal	Sentimen kenangan ibu disampaikan
3. と (to)	「アアアア一!!」と叫ぶ	接続助詞 – petikan atau penyambung	Sambil menjerit “Aaaa!!”	Petikan bersambun g tindakan	Makna petikan dikekalkan	Gaya dramatik disampaikan
4. に (ni)	医者に行くことにした。	格助詞 – penanda arah/tempat	Saya memutuskan untuk pergi ke doktor.	Penanda arah kekal	Makna arah “ke” kekal	Keputusan peribadi watak
5. し (shi)	熱はあるし、頭は痛い。	接続助詞 – penyambung sebab/tambahan	Demam masih ada, kepala sakit.	Klausa disambung secara sejajar	Simptom dikekalkan	Keletihan fizikal digambarkan
6. が (ga)	雨が降っている。	格助詞 – penanda subjek baharu	Hujan sedang turun.	Subjek kekal (tersirat)	Hujan dikekalkan	Fokus pada fenomena alam
7. か (ka)	なぜそう思うかって？	終助詞 – penanda soalan tidak formal	Kenapa saya fikir begitu?	Soalan tidak formal	Makna soalan kekal	Nada retorik dijaga

8. を (o)	カバンを床に落とし	格助詞 – penanda objek	Aku menjatuhkan beg ke lantai	Objek selepas subjek	Arah tindakan jelas	Tindakan emosional ditonjolkan
9. って (tte)	これって夢?	引用助詞 / 並列助詞 – petikan tidak rasmi	Ini... mimpi ke?	Petikan tidak rasmi dikekalkan	Makna petikan kekal	Nada kehairanan / gaya bercakap hadir
10. よ (yo)	本当によ!	終助詞 – penegasan	Memang betul!	Tiada padanan literal	Penegasan kekal	Nada tegas disampaikan melalui intonasi
11. や (ya)	ガンダムやナウシカ...	並列助詞 – senarai unsur	Naik Gundam, dating dengan Nausicaä...	Senarai unsur kekal	Contoh ditransfer secara langsung	Nada santai dan gaya lisan kekal
12. から (kara)	スカイダイビングから始めよう	格助詞 / 接続助詞 – permulaan/sebab	Mari kita mulakan dengan terjun udara	Permulaan tindakan diterjemah	Makna “dari” kekal	Susunan logik tindakan dijaga
13. ね (ne)	なんにしようかなあ...	終助詞 – penegasan lembut	Hmm... apa nak dipilih ya...	Tiada bentuk literal	Nada reflektif kekal	Suasana peribadi dan santai kekal
14. でも (demo)	でも、そんなことはなかった。	副助詞 / 接続助詞 – kontras	Tapi, itu tidak berlaku.	Klausa kontras dikekalkan	Makna lawan dikekalkan	Konteks penolakan halus dikekalkan

15. だけ (dake)	僕だけ行く。	副助詞 – had / eksklusif	Hanya saya yang pergi.	Had diterjemah kan dengan “hanya”	Eksklusiviti kekal	Menunjukkan keterasingan watak
16. ながら (nagara)	歩きながら考 えた。	接続助詞 – tindakan serentak	Saya berfikir sambil berjalan.	Serentak diterjemah	Makna dua tindakan kekal	Kesedaran dan gerak fizikal serentak
17. まで (made)	橋のたもとま で行った。	格助詞 – had lokasi	Saya sampai ke hujung jambatan.	Had lokasi kekal	Makna “hingga” dikekalkan	Menunjukkan titik akhir tindakan
18. たり (tari)	笑ったり泣い たりした。	並列助詞 – senarai tindakan tidak lengkap	Saya ketawa dan menangis.	Senarai tindakan dikekalkan	Makna tidak lengkap dikekalkan	Emosi bercampur digambarkan
19. とか (toka)	チョコとかク ッキーとか	並列助詞 / 引用助詞 – contoh tidak rasmi	Coklat, biskut dan sebagainya	Senarai contoh kekal	Makna pilihan dikekalkan	Gaya tidak rasmi dikekalkan
20. しか (shika)	チョコしかな い。	副助詞 – had negatif	Tiada selain coklat.	Eksklusivit i dikekalkan	Penafian negatif kekal	Nada kecewa / kekurangan digambarkan
21. とも (tomo)	何があっても 僕とも行く。	副助詞 – tambahan intensif	Apa pun yang berlaku, saya juga pergi.	Gabungan penegasan / tambahan	Tambahan dalam situasi ekstrem	Menunjukkan tekad atau sokongan kuat
22. ほど (hodo)	死ぬほど怖 い。	副助詞 – tahap / intensiti	Takut sampai nak mati.	Penanda tahap kekal	Intensiti dikekalkan	Emosi hiperbola dikekalkan

23. ので (node)	疲れたので寝ます。	接続助詞 – sebab	Saya tidur kerana penat.	Sebab disambung kan dengan “kerana”	Makna sebab kekal	Nada reflektif / lembut kekal
24. のに (noni)	行きたいのに 行けない。	接続助詞 – kontras	Saya nak pergi tapi tak boleh.	Kontras dikekalkan	Percanggaha n hasrat dikekalkan	Kekecewaan / konflik dalam hadir
25. へ (e)	空港へ向かう。	格助詞 – penanda arah	Menuju ke lapangan terbang.	Arah tindakan dikekalkan	Destinasi kekal	Fokus pergerakan dijaga
26. ぞ (zo)	やってやる ぞ!	終助詞 – penegasan kuat	Aku akan buat juga!	Tiada padanan literal	Penegasan dalam gaya dikekalkan	Nada maskulin kuat digambarkan
27. けれど (keredo)	本当だけれど 言えない。	接続助詞 – kontras	Memang benar, tetapi tak boleh cakap.	Kontras dikekalkan	Makna lawan kekal	Penekanan konflik emosi kekal
28. なり (nari)	何なりとお申 し付けください。	並列助詞 – pilihan terbuka	Sila nyatakan apa sahaja.	Pilihan terbuka dikekalkan	Kebebasan pilihan dikekalkan	Nada sopan, fleksibel, terbuka
29. よ (yo)	勘弁してくださいよー	終助詞 – penegasan lembut/emosi	Tolonglah, kasihanilah saya!	Tiada bentuk literal	Penegasan kekal	Nada emosi ditunjukkan dengan tanda seru
30. も (mo)	僕も行く。	副助詞 – tambahan / penegasan	Saya juga pergi.	Tambahan kekal	Makna “juga” kekal	Menunjukkan penyertaan setara

Jadual 3 di atas menunjukkan analisis yang terperinci terhadap tiga puluh partikel bahasa Jepun yang telah dikenal pasti dalam novel Sekai Kara Neko ga Kieta Nara [世界から猫が消えたなら], dan dibandingkan dengan padanan fungsinya dalam teks terjemahan Andai Kucing Hilang dari Dunia. Setiap ayat dianalisis dari tiga aspek utama iaitu sintaktik (struktur ayat dan kedudukan partikel), semantik (makna literal), dan pragmatik (fungsi sosial dan emosi dalam konteks naratif). Dari aspek sintaktik, didapati bahawa majoriti partikel yang bersifat gramatikal seperti wa [は], ga [が], o [を], ni [に], dan de [で] berjaya dikekalkan strukturnya dalam ayat terjemahan. Dalam kebanyakan kes, partikel ini menandakan subjek, objek, lokasi, atau arah tindakan, dan padanan dalam bahasa Melayu seperti “aku”, “akan”, “di”, dan “kepada” digunakan secara langsung tanpa mengubah susunan ayat asal seperti contoh data no 5. Hal ini menunjukkan tahap kesetaraan sintaktik yang tinggi bagi partikel yang berfungsi sebagai penanda tatabahasa. Dari sudut semantik, hampir semua partikel dapat dipindahkan maknanya ke dalam bahasa Melayu dengan ketepatan tinggi. Sebagai contoh, partikel mo [も] diterjemahkan sebagai “juga”, dake [だけ] sebagai “hanya”, dan hodo [ほど] sebagai “sehingga” atau “sebanyak”. Makna literal partikel-partikel ini dapat dijaga tanpa perubahan besar dapat membuktikan terdapatnya padanan semantik yang wujud antara kedua-dua bahasa, khususnya dalam ayat naratif biasa dan deskriptif. Dalam analisis teks naratif, ayat boleh dikategorikan secara umum kepada dua bentuk utama, iaitu ayat naratif biasa dan ayat deskriptif. Ayat naratif biasanya merujuk kepada ayat yang mengandungi tindakan atau peristiwa yang mendorong perkembangan plot cerita. Ayat ini biasanya bersifat aktif, berpola subjek-kata kerja-objek, dan berfungsi untuk menyampaikan gerakan atau keputusan watak dalam bentuk linear. Sebagai contoh, dalam ayat Boku wa eki e mukatta [僕は駅へ向かった] (“Saya menuju ke stesen”), struktur ayat tersebut mencerminkan tindakan bergerak ke suatu destinasi, dan partikel e [へ] berperanan menandakan arah. Sebaliknya, ayat deskriptif digunakan untuk menggambarkan suasana, emosi, atau keadaan watak dan latar, tanpa pergerakan atau tindakan aktif. Ayat seperti Soto wa shizuka datta [外は静かだった] (“Di luar sunyi”) bersifat statik dan bertujuan untuk mewujudkan suasana tertentu dalam naratif. Dalam konteks analisis partikel, ayat naratif biasanya memberi tumpuan kepada fungsi sintaktik seperti penandaan subjek, objek atau arah, manakala ayat deskriptif lebih menonjolkan aspek semantik dan pragmatik seperti penekanan emosi, suasana atau gaya bahasa. Perbezaan ini adalah penting untuk menentukan bagaimana partikel digunakan dalam menyampaikan bukan sahaja struktur tatabahasa, tetapi juga makna tersirat dan kesan naratif dalam teks asal dan terjemahan.

Namun, dalam proses penterjemahan novel naratif Jepun ke dalam bahasa Melayu, aspek pragmatik sering menghadirkan cabaran yang lebih kompleks berbanding aspek sintaktik dan semantik. Hal ini berlaku kerana banyak partikel dalam bahasa Jepun tidak sekadar memainkan peranan tatabahasa, tetapi juga menyampaikan nuansa emosi, nada percakapan, hubungan sosial, serta sikap penutur terhadap maklumat yang diucapkan. Dalam kajian ini, partikel seperti yo [よ], ne [ね], na [な], zo [ぞ], dan tte [って] berperanan sebagai partikel penutup shū-joshi [終助詞] yang memberi penegasan, mencari pengesahan, menunjukkan keyakinan atau mewujudkan keakraban dalam komunikasi tidak formal. Namun begitu, kesemua partikel ini tidak mempunyai padanan langsung secara leksikal dalam bahasa Melayu.

Sebagai contoh, dalam data No. 29, ayat Kanben shite kudasai yo [勘弁してくださいよ] diterjemahkan sebagai “Tolonglah, kasihanilah saya!”. Di sini, partikel yo [よ] tidak diterjemahkan secara eksplisit, tetapi fungsinya sebagai penegas emosi direalisasikan secara implisit melalui penggunaan tanda seru dan frasa emotif “Tolonglah”. Strategi yang digunakan dalam kes ini ialah pengimplicitan, iaitu apabila makna atau fungsi pragmatik partikel tidak dinyatakan secara langsung dalam teks terjemahan, tetapi disampaikan melalui gaya dan intonasi. Ini berbeza daripada terjemahan literal yang mengekalkan bentuk kata asal.

Contoh lain boleh dilihat dalam data No. 13, ayat Nan ni shiyokka naa... [なんにしようかなあ...] diterjemahkan sebagai “ Hmm... apa nak dipilih ya...”. Partikel ne [ね] yang biasanya digunakan untuk menunjukkan nada lembut atau ajakan dalam suasana santai tidak diterjemahkan sebagai kata tertentu, tetapi ditampilkan melalui penggunaan tanda retorik “ya...” serta ekspresi “hmm...” yang mewakili suasana berfikir secara dalaman. Dalam kes ini, elemen pragmatik seperti keintiman dan keraguan dalaman berjaya dikekalkan secara gaya, bukan secara literal.

Dalam data No. 26, Yatte yaru zo! [やってやるぞ!] diterjemahkan sebagai “Aku akan buat juga! ”. Partikel zo [ぞ], yang lazimnya memberi kesan maskulin dan berani, tidak diterjemahkan sebagai kata tertentu. Namun, emosi maskulin dan ketegasan diterjemahkan melalui gaya ayat, struktur tegas, dan tanda seru, yang mewakili intensiti maksud asal. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun fungsi pragmatik partikel tidak dapat diterjemah secara bentuk, ia boleh dipindahkan melalui pendekatan gaya atau wacana dalam bahasa sasaran.

Begitu juga bagi partikel tte [って] dalam data No. 9, iaitu dalam ayat Kore tte yume? [これって夢?], yang diterjemahkan sebagai “ Ini... mimpi ke?”. Partikel ini digunakan untuk menandakan petikan tidak formal atau kehairanan. Dalam terjemahan, ia tidak dialihkan dalam bentuk secara kata, tetapi intonasi dan tanda elipsis “...” bersama penanda soalan “ke?” berfungsi untuk menyampaikan perasaan hairan dan gaya tidak formal dengan berkesan.

Secara keseluruhan, dapatan daripada data pragmatik ini menunjukkan bahawa penterjemahan literal semata-mata tidak mencukupi untuk mengekalkan fungsi-fungsi gaya, nada, dan emosi yang terkandung dalam partikel-partikel penutup bahasa Jepun. Oleh itu, strategi terjemahan gaya seperti implisit, kesetaraan pragmatik, atau penggunaan tanda baca dan frasa tambahan digunakan untuk memastikan mesej asal tetap dapat difahami oleh pembaca dalam bahasa Melayu. Pendekatan ini membuktikan bahawa kesetaraan pragmatik sering memerlukan pengolahan kreatif agar kesan komunikasi asal tetap sampai meskipun dalam bentuk yang berbeza.

Selain itu, terdapat juga partikel seperti kara [から] dan node [ので] yang digunakan untuk menyambung sebab dan akibat dalam ayat Jepun. Dalam bahasa Melayu, fungsi ini dapat disampaikan secara langsung melalui kata hubung “ kerana ” atau “ sebab itu ”, yang menunjukkan kesetaraan pragmatik dan semantik yang selari. Partikel noni [のに] dan keredo [けれど] yang menandakan kontras atau percanggahan dapat diterjemahkan secara tepat sebagai “namun” atau “tetapi”, mengekalkan intonasi kontras dalam penceritaan.

Secara keseluruhan, jadual ini membuktikan bahawa strategi penterjemahan yang digunakan dalam teks sasaran telah berjaya mengekalkan bukan sahaja fungsi nahu partikel, tetapi juga nilai semantik dan kesan pragmatik dalam naratif. Pendekatan penterjemahan literal digunakan secara maksimum, namun dalam kes tertentu, penyesuaian gaya digunakan untuk menyampaikan maksud secara pragmatik agar sesuai dengan sistem dan norma bahasa Melayu. Dapatan ini menyokong keupayaan penterjemahan antara bahasa yang berlainan sistem tatabahasa, selagi fungsi makna dan komunikasi dapat dipelihara melalui pendekatan strategik dan kreatif.

4.2 Perbincangan

Dapatan kajian ini berpusat kepada penilaian kritis terhadap hasil terjemahan partikel dari sudut sintaktik, semantik dan juga pragmatik partikel bahasa Jepun apabila dialihkan ke dalam bahasa Melayu, khususnya dalam konteks karya sastera naratif. Berdasarkan analisis perbandingan yang telah dilakukan, didapati bahawa untuk aspek sintaktik, teknik terjemahan literal secara umumnya berupaya untuk memindahkan fungsi asas partikel dengan tepat, terutamanya bagi partikel yang menandakan struktur gramatikal seperti penanda topik ha [は], subjek ga [が], objek o [を] dan penanda masa atau tempat ni [に] tetapi ada keadaan bentuk partikel tidak dapat dipindahkan seperti partikel wa [は] dan o [を] kerana sistem penandaan subjek dan objek tidak wujud dalam bahasa Melayu. Struktur ayat dalam bahasa Melayu lazimnya membenarkan penterjemahan literal dengan sedikit pengubahsuaian susunan kata, tanpa menjejaskan kejelasan maksud.

Walau bagaimanapun, untuk aspek semantik, beberapa cabaran dikenal pasti apabila maksud literal partikel tidak dapat dipindahkan secara sepenuhnya kerana perbezaan sistem tatabahasa antara bahasa Jepun dan bahasa Melayu. Sebagai contoh, partikel *ni* [に] yang menandakan tujuan atau arah sering diterjemahkan secara literal sebagai “di” atau “ke”, sedangkan dalam konteks pergerakan sepatutnya diterjemahkan sebagai “ke”. Kekeliruan ini berpotensi untuk mengubah logik peristiwa dalam naratif. Begitu juga dengan partikel *to* [と] yang menandakan kebersamaan atau petikan kata yang sering tidak diterjemahkan secara konsisten jika bergantung semata-mata pada terjemahan literal, memandangkan BM lebih bergantung pada struktur sintaksis dan kata hubung yang pelbagai. Kes ini menunjukkan bahawa walaupun literaliti mengekalkan bentuk asal, nilai semantik boleh terganggu tanpa interpretasi kontekstual yang tepat.

Dari segi pragmatik pula, kelemahan paling ketara terletak pada partikel penutup atau partikel penegas seperti *yo* [よ] dan *ne* [ね]. Dapatan menunjukkan bahawa makna halus, nada emosi, dan nuansa hubungan sosial yang dibawa oleh partikel jenis ini sukar untuk dipindahkan melalui terjemahan literal semata-mata. Sebagai contoh, dalam ayat *Hontō ni yo!* [本当によ!], partikel *yo* [よ] digunakan untuk menguatkan pernyataan emosi, menandakan bahawa penutur ingin meyakinkan pendengar bahawa sesuatu itu benar dan penting. Ayat ini muncul dalam bahagian naratif apabila watak utama menzahirkan perasaannya secara spontan dan penuh tekanan, setelah berdepan dengan realiti kehilangan dan rasa putus asa. Dalam konteks tersebut, penggunaan *yo* [よ] bukan sekadar menambah tekanan linguistik, tetapi juga menegaskan kesungguhan emosi watak, seolah-olah memaksa pendengar (atau pembaca) untuk menerima dan merasai kebenaran yang dituturkan.

5. Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa partikel dalam teks asal bahasa Jepun dapat dikenalpasti dengan jelas dan dapat dikelaskan mengikut kategori seperti *kaku-joshi* [格助詞], *fuku-joshi* [副助詞], *shū-joshi* [終助詞], dan *setsuzoku-joshi* [接続助詞]. Analisis juga mendapati bahawa kebanyakan partikel ini mempunyai padanan yang diterjemahkan secara literal dalam teks terjemahan bahasa Melayu, khususnya melalui penggunaan kata hubung, kata sendi nama, atau struktur ayat tertentu. Walau bagaimanapun, penting untuk diperhatikan bahawa istilah "terjemahan literal" dalam konteks ini tidak semestinya merujuk kepada pemindahan bentuk dan fungsi secara serentak. Dalam banyak kes, fungsi partikel dikekalkan melalui struktur ayat dalam bahasa Melayu walaupun bentuk leksikal partikel digugurkan, seperti dalam kes partikel *wa* [は] dan *o* [を]. Oleh itu, kajian ini menganggap terjemahan literal sebagai satu pendekatan yang mencakupi kedua-dua bentuk pemindahan penuh (bentuk dan fungsi) dan pemindahan fungsi semata-mata yang disampaikan secara tersirat (implisit). Hal ini mencerminkan fleksibiliti penterjemah dalam mengekalkan makna asal tanpa perlu menterjemahkan setiap partikel secara harfiah, terutamanya apabila tiada padanan langsung wujud dalam bahasa sasaran.

Walau bagaimanapun, tahap kesepadanan literal berbeza mengikut fungsi dari segi sintaktik. Kebanyakan struktur ayat dapat mengekalkan makna asas dari segi semantik. Beberapa nuansa makna seperti penegasan atau kontras masih ada yang berkurangan manakala dari segi pragmatik, unsur nada emosi dan gaya retorik dalam partikel Jepun kadang kala tidak dapat sepenuhnya dipindahkan ke dalam teks Melayu. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa teknik terjemahan literal mampu untuk mengekalkan fungsi gramatikal partikel pada tahap asas, tetapi mempunyai cabaran dalam mengekalkan makna implisit dan gaya sastera asal secara sepenuhnya.

Rujukan

- Abdullah, H. (2006). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors.
- Alifah, R. F. (2024). Semantic of Case Particles *Ni*, *De*, *E*, and *O* as Locative Marker. *HUMANIKA*, 30(2).
- Chow, Y. C., & Hasuria, C. O. (2019). Penterjemahan *Giongo/Gitaigo* dalam manga Jepun. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 307–328.
- Kawamura, G. (2012). *Sekai kara neko ga kieta nara*. Tokyo: Magazine House

- Kawamura, G. (2023) *Andai Kucing Hilang dari Dunia* (terjemahan Hazman Baharom). Kuala Lumpur: Biblio Press
- Makino, S., & Tsutsui, M. (1986). *A dictionary of basic Japanese grammar*. The Japan Times.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad, Pabiyah Hajimaming & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Kepelebagaan Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 18 (2), 067 – 078
- Mohd Azam, A. (2011). Peranan partikel dalam penulisan akademik pelajar institusi pengajian tinggi. *Jurnal Linguistik & Pendidikan*, 7(2), 55-70.
- Nakagawa, N. (2021). *Information Structure in Spoken Japanese: Particles, Word Order, and Intonation*. Berlin: Language Science Press.
- Ng C. F.(2020). Penguasaan Makna, Pembentukan dan Penggunaan Kata Adjektif Bahasa Jepun dalam Kalangan Pelajar Cina di Sebuah IPTA Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 24(1), 94-108.
- Nik Safiah K., Farid M. O., Hashim M. & Abdul Hamid M. (2008). *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noda, H.(野田尚史). (2003). 「とりたて：語・句・節の焦点化と非焦点化」 [Focus and defocus of words, phrases, and clauses]. Dalam 沼田善子 & 野田尚史 (編), 日本語のとりたて—現代語と歴史的变化・地理的変異— (hlm. 23–45). 東京：くろしお出版 (Kurosio Publishers).
- Nor Sahayu H., Zaitul Azma Z. H., Zaid M. Z., & Rozita C. R. (2019). Gangguan Leksikal Dalam Pembelajaran Bahasa Jepun. *Jurnal Linguistik* 23 (2), 110 – 122
- Ramli, A. (2013). Kepentingan partikel dalam komunikasi harian masyarakat Melayu. *Jurnal Linguistik Melayu*, 8(1), 25-40
- Siti Nurbaya. (2015). Kesukaran penterjemahan partikel bahasa Jepun dalam teks sastra Melayu. *Jurnal Linguistik & Terjemahan*, 12(2), 45-60.
- Tanaka, Y. (田中ゆかり). (2003). *日本語の助詞入門 [An introduction to Japanese particles]*. 東京：くろしお出版 (Kurosio Publishers).
- Tsujimura, N. (1996). *An introduction to Japanese linguistics*. Blackwell Publishers.
- Yamane, M. (山根雅子). (2008). 日本語の助詞の機能分析—類型論に向けて— [Functional analysis of Japanese particles: Towards a typology]. 東京：ひつじ書房 (Hitsuji Syobo).

Biodata Penulis

Nur Nabilah Syakirah Mat Usuf merupakan pelajar tahun akhir program Linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM. Beliau sangat berminat dengan bahasa Jepun dan mempunyai sijil kemahiran bahasa Jepun JLPT N4.

Normalis Amzah merupakan pensyarah bahasa Jepun dan linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM. Kajian beliau tertumpu kepada isu dalam pemerolehan bahasa Jepun, perbandingan linguistik bahasa Jepun, Melayu dan Inggeris, analisis wacana dan terjemahan.